

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah penyewa di bawah skim Rent To Own (RTO) mengikut golongan umur dan kaum serta langkah-langkah Kementerian bagi memastikan RTO mencapai objektif menyelesaikan masalah rumah di kalangan B40 dan orang muda.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent To Own* (RTO) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bermula dari tahun 2017. Skim ini bertujuan membantu pemohon PPR yang berkeelayakan tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

2. Buat masa ini, skim RTO telah dilaksanakan di 10 projek PPR yang melibatkan 4,650 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,893 unit PPR telah diisi melalui skim RTO. Manakala baki 1,757 unit akan ditawarkan dari semasa ke semasa. Secara umumnya, skim RTO untuk projek PPR yang telah ditetapkan adalah layak dimohon oleh warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, berpendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah dan tidak pernah memililiki rumah.

3. Pelaksanaan RTO ini telah memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang merangkumi pelbagai peringkat umur, pendapatan dan kaum. Buat masa ini KPKT tiada maklumat lengkap penerima skim RTO PPR mengikut kategori umur dan pendapatan, walau bagaimanapun, pecahan mengikut kaum Ketua Isi Rumah (KIR) adalah seperti berikut:

- i. Melayu - 2,551 unit;
- ii. Cina - 160 unit;
- iii. India - 177 unit; dan
- iv. Lain-lain - 5 unit.

4. Untuk Makluman Yang Berhormat juga, terdapat satu lagi Skim RTO yang baru diperkenalkan oleh Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2021 untuk membantu rakyat memiliki rumah. Dalam menjayakan insentif ini, Kerajaan bersama institusi Kewangan yang bakal dikenal pasti akan memperkenalkan produk ini. Ia akan dilaksanakan terhadap rumah yang telah siap dibina oleh PR1MA dan mungkin juga rumah yang siap dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

5. Kaedah pelaksanaan yang dicadangkan untuk menjayakan program ini - pembeli yang dikenal pasti layak ditawarkan di bawah program ini akan dibenarkan untuk menyewa rumah yang telah dikenal pasti untuk tempoh 5 tahun (sebagai contoh). Dalam tempoh itu, sebahagian daripada jumlah sewa yang dibayar akan digunakan sebagai pembayaran deposit dan baki sewa digunakan untuk penyelenggaraan. Pembeli hanya perlu meminjam baki harga rumah dengan institusi kewangan 5 tahun dari sekarang. Ini memberi peluang kepada pembeli membuat perancangan awal untuk menjamin kelayakan bagi mendapat pinjaman yang diperlukan dengan jaminan dari pihak PR1MA/SPNB bahawa rumah berkenaan adalah milik pembeli.

NO SOALAN : 417

6. Perkara ini merupakan satu idea baharu yang memerlukan kajian dengan lebih lanjut dan merupakan satu platform yang baik bagi membolehkan pembeli membuat komitmen ke hadapan (*forward commitment*). Secara tidak langsung, skim RTO ini turut meningkatkan peluang kumpulan B40 dan M40 (bottom 20) serta orang muda untuk memiliki rumah.

Sekian, terima kasih.